

LAMAN SESAWANG ‘AMRAYN.COM’: KAJIAN TERHADAP KELEBIHAN DAN KEKURANGANNYA

Muhammad Sakhawi Adli bin Jeffri Din¹
Mohamad Farhan Affan bin Othman Lion²
Muhammad Solihin bin Jamal Abdul Nasir³
Syed Najihuddin bin Syed Hassan⁴

¹Fakulti Pengajian Quran & Sunnah, Universiti Sains Islam Malaysia (USIM), 71800 Nilai, Negeri Sembilan (E-mel: sakhawiadli3@gmail.com / sakhawiadli3@raudah.usim.edu.my)

²Fakulti Pengajian Quran & Sunnah, Universiti Sains Islam Malaysia (USIM), 71800 Nilai, Negeri Sembilan (E-mel: affanbenothman@gmail.com / affan_othman@raudah.usim.edu.my)

³Fakulti Pengajian Quran & Sunnah, Universiti Sains Islam Malaysia (USIM), 71800 Nilai, Negeri Sembilan (E-mel: solihinjamal123@gmail.com)

⁴Fakulti Pengajian Quran & Sunnah, Universiti Sains Islam Malaysia (USIM), 71800 Nilai, Negeri Sembilan (E-mel: syednajihuddin@usim.edu.my)

Abstrak: Pada era dunia tanpa sempadan ini, pembelajaran menerusi teknologi semakin pesat berkembang. Pembelajaran secara atas talian pada era COVID-19 juga telah menyebabkan para pelajar pada setiap peringkat dapat menyesuaikan diri dengan pembelajaran secara norma baharu. Oleh itu, pengetahuan untuk mengakses maklumat dengan betul amat penting kerana ia membolehkan para pelajar memperolehi maklumat dengan efisien dan pantas. Hal ini juga terpakai dalam kalangan pengguna internet, mereka boleh mengakses maklumat yang tepat berkaitan al-Qurān dan as-Sunnah menerusi laman sesawang ‘amrayn.com’. Sehubungan dengan itu, kajian ini dilakukan bertujuan untuk menganalisis kelebihan dan kekurangan laman sesawang ini. Kaedah kualitatif berdasarkan pemerhatian telah digunapakai bagi mencapai tujuan tersebut. Hasilnya, kajian mendapati bahawa laman sesawang ‘amrayn.com’ ini mempunyai banyak kelebihannya berbanding kekurangannya. Antaranya, laman sesawang ini dapat membantu ahli-ahli akademik dan para pelajar terutama dalam ilmu tafsir dan terjemahan ayat qurān yang terdiri dalam beberapa bahasa dan juga dapat membantu untuk mengkaji status sesebuah hadīth dengan pantas. Diharapkan kajian ini dapat membantu masyarakat khususnya ahli-ahli akademik dan para pelajar untuk menggunakan laman sesawang ini dengan efektif dan dapat dijadikan panduan dan rujukan kepada pengkaji lain pada masa akan datang. Kesimpulannya, laman sesawang ‘amrayn.com’ mampu dijadikan medium pembelajaran yang efisien khususnya kepada pelajar dan penyelidik dalam bidang al-Qurān dan as-Sunnah.

Kata Kunci: amrayn.com, Qurān, Hadīth, Teknologi, Sanad.

Pengenalan

Sebagai permulaan, kajian ini mengandungi tiga tajuk utama dan beberapa subtajuk. Tajuk utama berkaitan dengan laman sesawang ‘amrayn.com’, cara-cara menggunakannya dengan betul dan pengkaji akan menyatakan kelebihan dan kekurangan laman sesawang ini. Pengkaji akan menerangkannya satu persatu.

Latar Belakang dan Permasalahan Kajian

Telah sedia maklum, hadīth nabi sallallāh a’laih wasallam merupakan sumber kedua perundangan Islam selepas Qurān. Para cendekiawan Islam telah bersepakat mengenainya dan wajib kepada setiap penganut agama Islam untuk menerima hadīth nabi sallallāh a’laih wasallam tanpa sebarang keraguan. Para sahabat telah menjaga dan memelihara hadīth-hadīth nabi sallallāh a’laih wasallam dengan amanah dan usaha itu berterusan sehinggalah ke generasi hari ini. Wujudnya pelbagai metodologi para ulama’ dalam penulisan bidang hadith membuktikan hasil daripada usaha pemeliharaan hadīth ini dari generasi sebelumnya (Amran Abdul Halim, 2020). Para sahabat juga telah bersepakat bahawa hadīth nabi sallallāh a’laih wasallam merupakan sumber agama yang merentasi zaman dan tempat (Omar, 1995).

Pada era globalisasi ini, fenomena ledakan maklumat telah menyebabkan masyarakat tidak dapat membezakan dan menilai kesahihan sesebuah hadīth yang sering berlegar di ruangan internet. Lebih membimbangkan, terdapat segelintir agamawan yang tidak cakna dalam menyemak kesahihan sesebuah hadith lantas ghairah menyebarkan hadīth-hadīth maudhu’ (palsu) dalam kuliah mereka (Firdaus Khairi Abdul Kadir, 2019). Bertitik tolak daripada itu, wujudnya pelbagai aplikasi dan laman sesawang berkonsepkan perpustakaan digital yang berfungsi untuk menyemak kesahihan sesebuah hadīth dengan pantas. Salah satu aplikasi atau laman sesawang yang boleh digunapakai ialah laman sesawang ‘amrayn.com’. Laman sesawang ini memudahkan para pengkaji khususnya pengkaji dalam bidang qurān untuk dijadikan sebagai rujukan dalam terjemahan dan tafsiran Qurān ke beberapa bahasa dan para pengkaji dalam pengkhususan bidang hadīth untuk menyemak status-status hadīth dengan pantas dan memudahkan mereka mengkaji sanad dengan lebih terperinci. Berdasarkan pemerhatian Shahril Nizam Zulkipli, laman sesawang berbahasa arab adalah jauh ke hadapan dalam memuatkan maklumat-maklumat hadīth di ruangan internet berbanding bahasa-bahasa lain (Shahril Nizam Zulkipli, 2011).

Sebab-Sebab Pemilihan

Bahagian ini menceritakan sebab-sebab pengkaji memilih tajuk ini sebagai tajuk utama kajian:

1. Untuk menyingkap kelebihan dan kekurangan laman sesawang ‘amrayn.com’ kepada pengguna.
2. Untuk memudahkan para pelajar dalam menyempurnakan tugas mereka yang berkaitan dengan subjek hadīth.
3. Untuk membantu para pengkaji dalam mengkaji sanad-sanad hadīth dengan lebih terperinci.
4. Untuk menerangkan aplikasi ini kepada orang awam dalam menyemak suatu hadīth dengan pantas.

Soalan Kajian

Kajian ini dilakukan untuk menjawab persoalan-persoalan seperti berikut:

1. Apakah itu laman sesawang ‘amrayn.com’?
2. Bagaimanakah cara-cara untuk menggunakan laman sesawang ini?
3. Apakah kelebihan dan kekurangan laman sesawang ini kepada pengguna?

Objektif Kajian

Bahagian ini menceritakan tentang objektif kajian, Tujuan kajian ini dijalankan ialah:

1. Untuk mengenali laman sesawang ‘amrayn.com’.
2. Untuk menerangkan kepada para pengguna cara-cara menggunakan laman sesawang ini.
3. Untuk menyingkap kelebihan dan kekurangan laman sesawang ini.

Kepentingan Kajian

Kajian ini akan menjadi salah satu usaha yang penting bagi masyarakat Islam di Malaysia secara umumnya kerana sebahagian mereka menghadapi kesukaran dalam membezakan dan menilai antara sahīh-nya sesuatu hadīth dan Dhāif-nya. Dengan menggunakan laman sesawang ini, masyarakat dapat mencari status hadīth-hadīth dengan tepat dan lebih pantas. Pada masa yang sama, laman sesawang ini juga dapat memudahkan penyelidik dan pihak berautoriti jika mereka ingin mencari status-status sesebuah hadīth dalam kajian mereka. Menerusi kajian mengenai laman sesawang ini, diharapkan masyarakat lebih berhati-hati dalam menyebarkan sesebuah hadīth dan diharapkan penyebaran hadīth yang terlalu lemah (dhaī’f jiddan) dan palsu (maudhu’) dapat dibanteras dalam kalangan masyarakat Islam di Malaysia.

Pembatasan Kajian

Kajian ini hanya membataskan kepada perkara-perkara berikut:

1. *Laman sesawang ‘amrayn.com’*- Pengkaji hanya memfokuskan laman sesawang yang berkonsepkan perpustakaan digital bernama ‘amrayn.com’ sahaja. Oleh itu, perpustakaan digital selain dari laman sesawang atau aplikasi ini tidak termasuk dalam kajian ini.
2. *Hadīth*- Pengkaji lebih menumpukan pada fungsi bahagian hadīth dalam laman sesawang ini.
3. *Kelebihan dan kekurangan*- Pengkaji lebih memfokuskan kelebihan dan kekurangan laman sesawang ini kepada pengguna.

Istilah-Istilah Kajian

Subtajak ini akan membicarakan tentang beberapa istilah kajian yang dapat membantu pembaca. Berikut merupakan istilah-istilah yang dapat disenaraikan oleh pengkaji berserta maksudnya:

1. ‘Amrayn.com’: “‘Amrayn.com’ merupakan satu platform carian bagi qurān dan hadīth. Laman sesawang ini ditubuhkan pada 2014 dengan matlamat besarnya untuk menyebarkan ilmu pengetahuan yang sahīh serta autentik. Hasil carian qurān digunakan dari laman sesawang Tanzil.net manakala hasil carian hadīth banyak bergantung pada penerbitan *Darussalam*. Laman sesawang ini sangat sesuai untuk kajian-kajian takhrīj kerana ia menyatakan status hadīth kepada pengguna” (Amrayn.com, 2022).
2. Takhrīj: “Kata infinitif daripada perkataan ‘kharraja’ yang bermaksud menyerlahkan dan menunjukkan. Manakala secara istilahnya, ia bermaksud suatu proses mengetahui

kedudukan sesebuah hadīth dari sumbernya yang asli disertai dengan penjelasan sesebuah hadīth itu sama ada ia sahīh ataupun dhaī'f (lemah). Ini merupakan terma yang diperkenalkan oleh Syeikh Mahmūd at-Ṭahān” (Dr. Ir Irwan Santri, 2021).

3. Hadīth: “Apa yang disandarkan kepada rasulullāh sallallāh a’laih wasallam dari segi ucapannya, perbuatannya, atau sifatnya” (Dr. Mohd Fauzi Mohd Amin, 2018).
4. Sanad: “Merupakan rantaian perawi yang meriwayatkan hadīth sampai kepada matn al-hadīth (teks hadīth)” (Dr. Mohd Fauzi Mohd Amin, 2018).

Kerangka Kajian

Kajian ini terdiri daripada beberapa tajuk utama, antaranya:

1. Latar belakang laman sesawang ‘amrayn.com’.
2. Cara-cara menggunakan laman sesawang ‘amrayn.com’.
3. Kelebihan dan kekurangan laman sesawang ‘amrayn.com’.

Metodologi Kajian

Bahagian ini menerangkan kepada pembaca mengenai metodologi kajian yang dilakukan oleh pengkaji. Berikut merupakan senarai-senarai yang digunakan oleh pengkaji:

Rekabentuk Kajian

Secara umumnya, kajian yang dilaksanakan ialah kajian yang berbentuk kualitatif. Sifat kaedah ini memberatkan usaha untuk mencari dan memberikan keterangan serta pemerhatian bukan numerikal walaupun terdapat keterangan yang merujuk kepada statistik. Kajian ini juga dapat dikategorikan kepada penyelidikan kepustakaan (library research), kerana sumber datanya diperolehi dari sumber perpustakaan.

Kaedah Pengumpulan Data

Penyelidikan kualitatif mempunyai bentuk data yang tersendiri yang berbeza dengan penyelidikan kuantitatif. Data kualitatif terdiri dalam bentuk temubual, pemerhatian, dan analisis dokumen. Nota lapangan dan diari pengkaji juga merupakan pendukung utama dalam mengesahkan kerja-kerja lapangan yang dipraktikkan dalam kajian kualitatif (Jasmi, 2012). Kajian kualitatif ini bertujuan memperoleh maklumat yang berstatus sejarah seperti tinjauan laman sesawang yang berkonsepkan perpustakaan digital. Data diperolehi daripada pelbagai jenis bahan-bahan bertulis seperti penerbitan rasmi atau tidak rasmi seperti buku-buku, kamus, kertas kerja, dan jurnal. Dalam mendapatkan data kajian perpustakaan, pengkaji menggunakan khidmat perpustakaan seperti Perpustakaan Universiti Sains Islam Malaysia dan beberapa perpustakaan lainnya. Tambahan lagi, pengkaji akan menggunakan laman sesawang seperti *Research Gate* untuk menyokong lagi kajian pengkaji.

Penganalisan Data

Data dianalisis dengan menggunakan kaedah pemerhatian iaitu menganalisis dan memerhati ciri-ciri yang wujud dalam laman sesawang ‘amrayn.com’.

Rumusan

Secara ringkasnya, kajian ini lebih menumpukan kepada kelebihan dan kekurangan laman sesawang ‘amrayn.com’. Terutamanya pada bahagian carian hadīth-nya. Dalam bahagian ini, pengkaji telah

menjelaskan sebab-sebab pengkaji memilih tajuk ini sebagai kajian utamanya. Pengkaji juga telah menjelaskan beberapa objektif dan kepentingan kajian ini kepada pembaca kelak. Semua maklumat umum mengenai kajian ini telah dinyatakan dalam bahagian ini.

Tinjauan Literatur

Pengkaji telah membuat tinjauan kepada beberapa kajian. Antara kajian yang membicarakan tentang dunia teknologi dalam bidang hadīth secara umumnya ialah:

Kajian yang dijalankan oleh Nasir, Khairulnazrin & Kamarul Zaman, Rahim & Azid, Muhammad Adam & Hussain, Abdul berjudul '*Trend kajian hadis berasaskan teknologi maklumat dan digital: suatu sorotan literatur*'. (2021). Kajian ini telah dilaksanakan untuk mengetengahkan trend dan tema penyelidikan hadīth yang berkaitan dengan teknologi maklumat dan digital. Kajian ini telah menggunakan pendekatan penyelidikan secara kualitatif. Data dikumpulkan dengan menggunakan kaedah carian berdasarkan kata kunci dalam pangkalan-pangkalan data di Internet. Analisis kandungan secara deskriptif diaplikasikan untuk mengenal pasti trend dan tema kajian hadīth berasaskan teknologi maklumat. Pengkaji juga telah menunjukkan hasil kajian bahawa trend penyelidikan hadīth berkaitan dengan teknologi maklumat dan digital tertumpu pada beberapa jenis aspek antaranya bahan rujukan berbentuk *ebook*, PDF dan sebagainya. Namun, teknologi berkaitan dengan hadīth ini perlu dikembangkan lebih jauh lagi untuk memudahkan masyarakat Islam mengenali status-status hadith, menjaga hadīth-hadīth nabi Sallallāh a'laih Wasallam dari penyelewengan dan menyelarikan dengan zaman kini (Mohd Khairulnazrin Mohd Nasir, 2021).

Jurnal yang bertajuk '*Pengintegrasian Aplikasi ICT Berkaitan Hadis dalam Pengajaran dan Pembelajaran Kursus Berkaitan Hadis di Universiti Awam Malaysia*' (2021) yang ditulis oleh A. Irwan Santeri Doll Kawaid, Syed Najihuddin Syed Hassan, Mohd Zohdi Mohd Amin, Shamsudin Yabi dan Mohd Yusuf Ismail. Kajian ini telah dilakukan untuk meninjau adakah aplikasi-aplikasi berkaitan hadīth dintegrasikan dalam pengajaran dan pembelajaran kursus-kursus berkaitan hadīth di Universiti Awam (UA) Malaysia; sama ada adakah ia didedahkan, digunakan, digalakkan penggunaannya dan apakah persepsi, kebolehpercayaan, tahap kemahiran, pengetahuan, kekerapan penggunaan serta halangan yang dihadapi pensyarah bidang hadis dalam pengintegrasian. Kajian ini telah menggunakan kaedah tinjauan yang dilakukan ke atas para pensyarah bidang hadīth di beberapa universiti awam di Malaysia bagi mengenalpasti pengintegrasian tersebut. Hasil kajian ini telah mendapati bahawa dari sudut pengetahuan kebanyakan pensyarah bidang hadis di universiti awam Malaysia mengetahui dan mahir menggunakan aplikasi ICT berkaitan hadīth. Dari sudut tahap pengintegrasian pula, rata-rata mereka menerima baik dan mengaplikasikannya dalam pengajaran dan pembelajaran kursus berkaitan hadīth. Tidak timbul halangan pengaplikasiannya dari sudut polisi serta sokongan daripada pihak institusi mereka namun masih terdapat beberapa pandangan yang tidak bersetuju dengan pengintegrasian sepenuhnya ICT kerana bagi mereka unsur-unsur keaslian ilmu hadīth perlu dikekalkan (A. Irwan Santeri Doll Kawaid, 2018).

'Digitalisasi Hadith di Malaysia Analisis Terhadap Keperluan Kriteria Pembangunan Website dan Software Hadith'. (2019) karangan Khadher Ahmad. Fokus perbincangan dalam artikel ini ialah penjelasan terhadap beberapa kriteria utama yang perlu dalam proses pendigitalisasian hadīth dalam usaha untuk pembangunan laman sesawang ataupun perisian berkaitan dengan hadīth. Kriteria yang dikaji akan menjadi asas utama dan penting yang akan menjadi kayu ukur terhadap penilaian sesebuah laman sesawang atau perisian yang bakal dibangunkan khususnya melibatkan kepada pembangunan laman sesawang hadīth atau perisian yang berkaitan dengan hadīth. Kajian ini telah menggunakan pendekatan penyelidikan secara kuantitatif. Data dikumpulkan dengan menggunakan kaedah carian berdasarkan pendapat dari tinjauan yang dilakukan ke atas para pensyarah bidang hadīth dan para ilmuwan yang telah membuat kajian yang berkaitan dengan isu ini.

Hasil kajian telah mendapati bahawa terdapat lima kriteria utama yang sangat penting dalam pembangunan laman sesawang hadīth iaitu kandungan teks hadīth yang berbaris lengkap, terjemahan hadīth yang telah disemak, maklumat sumber dan takhrīj al-hadīth, kefahaman hadīth secara ringkas, dan organisasi atau panel yang bertanggungjawab dan mempunyai kelayakan, kriteria dalam pembangunan laman sesawang hadīth dan perisian hadīth yang sewajarnya diberikan perhatian yang serius bagi semua organisasi atau individu yang mahu membangunkan sesuatu laman sesawang atau perisian yang berkaitan dengan hadīth (Ahmad, 2019).


Seterusnya, jurnal yang dikarang oleh Abdul Halim, Amran & Anas, Norazmi & Yaacob, Zuriani & Zulkipli, Shahril & Mohd Noor, Mohd Syukri & Mohd Ghazali, Zulkifli & Azmi, Ahmad Sanusi & Syed Hassan, Syed Najihuddin yang berjudul '*Popularity of Digital Hadith Application (DHA) in Malaysia*' (2018). Tujuan kajian ini ialah untuk mengkaji aplikasi hadith digital (DHA) dalam rangka kerja Revolusi Industri Keempat (IR 4.0) dan untuk mengenal pasti DHA yang paling popular di kalangan ahli akademik dan pelajar yang mempelajari hadīth di universiti awam terpilih di Malaysia. Kajian ini dijalankan secara kuantitatif menggunakan soal selidik ke atas pelajar, ahli akademik dan penyelidik terpilih dalam pengajian hadīth di IPTA terpilih di Malaysia. Dapat dikenal pasti mereka menggunakan aplikasi hadīth digital dalam proses takhrīj al-hadīth dan data dianalisis menggunakan perisian IBM SPSS versi 21.0 untuk mencapai objektif yang digariskan dalam kajian ini. Hasil kajian ini mendapati bahawa penggunaan aplikasi hadīth digital paling popular untuk takhrīj al-hadīth dalam kalangan pelajar dan ahli akademik yang terlibat dalam kajian ini terbahagi kepada tiga kategori iaitu (perisian komputer, aplikasi telefon bimbit, laman sesawang dan aplikasi telefon bimbit) dengan iShamela, IslamWeb dan Maktabah Syamilah. Ketiga-tiga permohonan ini dilihat memenuhi kriteria yang diperlukan dalam badan disiplin hadīth dan seterusnya diterapkan seiring dengan perkembangan Industri Revolusi (IR 4.0) yang akan memberi manfaat kepada umat Islam sedunia (Amran Abdul Halim N. A., 2018).

Seterusnya, jurnal berjudul '*Digitalisasi Hadis (Studi Hadis Di Era Digital)*' (2019). Oleh Siti Syamsiyatul Ummah. Kajian ini menjelaskan bahawa perkembangan zaman yang semakin pesat dan maju mewujudkan pelbagai kemudahan termasuklah kajian terhadap ilmu agama khususnya ilmu hadīth. Akses terhadap pencarian hadīth yang kini telah dipermudahkan melalui perisian atau aplikasi di internet berbeza dengan yang dulunya didapatkan secara manual. Dengan wujudnya perkembangan ini, diharapkan masyarakat khususnya generasi yang akan datang supaya dapat memanfaatkan dan bijak menggunakan perisian yang disediakan sebagai bentuk digitalisasi dari kitab hadith dengan sebaik mungkin. Kajian ini menggunakan kaedah kualitatif dan maklumat yang dikumpul berdasarkan sumber-sumber yang telah dikaji sebelum ini. Hasil kajian ini mendapati bahawa sejarah pengumpulan hadith memang agak lambat. Terdapat tujuh tempoh terpeliharayan hadith dalam hafalan hingga tempoh dibukukan hadīth tersebut malah turut disenaraikan perjalanan hadīth sejak zaman diturunkan wahyu sehinggalah munculnya berbagai kitab dan variasi dalam penulisan ilmu hadith. Dengan munculnya era digital, maka terhasilnya pelbagai jenis kemudahan bagi mengakses hadith seperti Lidwa Pusaka dan Jawami' al-Kalim (Ummah, 2019).

Dapatan Kajian & Perbincangan

Berikut merupakan dapatan kajian dan perbincangan yang dapat disenaraikan oleh pengkaji:

Latar Belakang Laman Sesawang 'amrayn.com'



Rajah 1: Halaman utama bagi laman sesawang 'amrayn.com'.

Laman sesawang 'amrayn.com' merupakan satu platform carian bagi Qurān dan Hadīth. Laman sesawang ini ditubuhkan pada tahun 2014 dengan matlamat besarnya untuk menyebarkan ilmu pengetahuan yang sahih serta autentik. Laman sesawang ini dibangunkan secara percuma sepenuhnya. Laman sesawang ini hanya wujud dalam versi *web* sahaja (*web-based application*) dan tidak wujud dalam versi aplikasi (*desktop-based application*).

Objektif penubuhan laman sesawang ini ialah untuk menyediakan platform enjin carian pantas yang memudahkan pengguna untuk mengenal pasti klasifikasi sesuatu hadīth secara visual sama ada hadīth tersebut sahih ataupun dhāi'f (lemah). Tambahan pula, laman sesawang ini merupakan platform yang boleh dipercayai bagi kandungan tulen bagi Qurān dan Hadīth. Oleh itu, laman sesawang ini sangat sesuai untuk kegunaan carian ayat-ayat qurān dan takhrīj al-hadīth.

Hasil carian qurān dan terjemahan digunakan dari laman sesawang 'Tanzil.net' versi 1.0.2, manakala hasil rakaman suara (audio) Qurān diambil dari laman sesawang 'versebyversequran.com' dan 'everyayah.com'. Untuk data carian hadīth pula, laman sesawang ini menjadikan *Darussalam Publication* sebagai sumber rujukan utama dalam mengklasifikasi sesuatu hadīth. Seterusnya, bagi hasil carian artikel ia ditulis secara berasingan selepas penyelidikan yang menyeluruh dan setiap artikel disandarkan dengan sumber yang absah dan terperinci.

Berkaitan dengan sumber-sumber maklumat yang terdapat dalam laman sesawang ini, ia hanya memaparkan maklumat-maklumat yang sahih dan absah sahaja. Buktinya, pembangun bagi laman sesawang ini telah menjelaskan bagaimana mereka menapis maklumat-maklumat yang mereka dapati dengan telitinya. Pembangun telah membawa satu contoh bahawa mereka tidak memasukkan maklumat-maklumat yang ada dalam kitab yang berjudul *Tanwīr al-Miqbās min Tafsīr Ibn 'Abbās* yang disandarkan kepada Ibn 'Abbās. Selepas mereka mengkaji secara terperinci dan bertanya kepada guru-guru mereka, mereka dapati bahawa kitab tersebut banyak menggunakan hadīth maudhu' (palsu) dan dinisbahkan pula kepada Ibn 'Abbās. Oleh yang demikian, mereka tidak memasukkan maklumat-maklumat kitab tersebut ke dalam laman sesawang ini.

Seterusnya, laman sesawang ini juga boleh dihubungi melalui Facebook dengan nama pengguna 'amrayn.com'. Sehingga 16 Disember 2022, pengikut bagi laman sesawang 'amrayn.com' di Facebook mencecah sebanyak 4.3 ribu pengguna. Selain itu, pengguna juga boleh mengikuti perkembangan laman sesawang ini di Twitter melalui nama pengguna '@amraynofficial'. Pengguna juga boleh berhubung melalui e-mel sekiranya mahu bertanyakan soalan ataupun membuat laporan terhadap kesilapan yang berlaku dalam laman sesawang ini.

Laman sesawang terdiri dengan beberapa ciri-ciri tertentu. Terdapat tiga tumbol carian dan satu tumbol untuk maklumat mengenai laman sesawang. Tiga tumbol carian tersebut ialah carian ayat-ayat Qurān, carian teks-teks Hadīth dan carian artikel.

Pada bahagian atas halaman pula terdapat lima fungsi pilihan iaitu fungsi sohor kini, koleksi, penanda halaman, hafalan dan ulangkaji. Disamping itu, laman sesawang ini membolehkan pengguna untuk mencipta akaun peribadi.

Seterusnya, di bahagian kiri bawah halaman ini pula menerangkan hal berkaitan laman sesawang ini iaitu dasar privasi, dasar hak cipta dan sumbangan. Bagi mengikuti perkembangan halaman Facebook dan Twitter laman ini, pengguna hanya perlu tekan simbol bagi kedua-dua aplikasi tersebut di bahagian kanan bawah halaman aplikasi ini. Manakala di bahagian tengah bawah aplikasi ini menerangkan lebih terperinci mengenai ciri-ciri yang ada di dalam setiap tiga tumbol utama carian dan satu tumbol 'Personal' yang mewakili lima tumbol di bahagian atas halaman laman ini.

Cara-Cara Menggunakan Laman Sesawang 'amrayn.com'

Untuk menggunakan laman sesawang ini, terdapat beberapa cara yang perlu dipatuhi bagi mendapatkan hasil carian yang diinginkan oleh pengguna.


Secara umumnya, laman sesawang ini dihiasi dengan paparan yang ringkas dan minimalis. Terdapat tiga tumbol carian utama yang boleh diakses oleh pengguna dan satu tumbol bertulis 'about' jika pengguna ingin mengetahui maklumat-maklumat yang berkaitan dengan aplikasi ini.²⁴ Pengkaji akan memperincikan tumbol carian itu satu persatu.

Tumbol Carian bagi Ayat-Ayat Qurān²⁵

Pertama, tumbol carian bagi ayat-ayat qurān. Dalam bahagian ini, pengguna perlulah memasukkan potongan ayat-ayat qurān ke dalam ruang carian ataupun tumbol carian tersebut. Kemudian, ayat-ayat qurān yang diinginkan akan terpapar beserta dengan ayat dan surah. Pastikan parkataan atau ayat yang ditaip hendaklah tepat. Sekiranya pengguna menekan ayat qurān yang dipaparkan itu, terjemahan dan rakaman suara (audio) bagi ayat qurān itu akan terpapar.

²⁴ Pengguna boleh rujuk di pautan ini: <https://amrayn.com/about>.

²⁵ *Ibid.*



Rajah 2: Tombol carian bagi bahagian Quran dengan fungsi-fungsinya yang pelbagai.

Untuk tetapan bahasa bagi ayat-ayat qurān, laman sesawang ini menyediakan khidmat tiga tetapan bahasa yang utama. Pertama, terjemahan, kedua, tafsir dan akhir sekali, transliterasi. Bagi terjemahan ayat qurān, pengguna disediakan dengan lebih 10 terjemahan ayat qurān bagi bahasa utama di dunia seperti Bahasa Inggeris, Bahasa Melayu, Bahasa Mandarin, Bahasa Indonesia, Bahasa German, Bahasa Urdu dan lain-lain. Pengguna boleh memilih sama ada mahu menterjemahkan ayat qurān secara ayat penuh ataupun secara per-kata dengan memilih pilihan ‘word by word’. Manakala pilihan tafsiran ayat qurān, pengguna boleh mengakses lebih lima tafsiran qurān yang muktabar seperti Tafsir Ibn Kathīr, Tafsir Al-Baghawi, Tafsir As-Sa’di, Tafsir Al-Qurtubī, Tafsir At-Tabarī dan lain-lain. Bagi transliterasi ayat Qurān, hanya dua bahasa sahaja yang tersedia iaitu Bahasa Inggeris dan Bahasa Turki. Kesemua tetapan bahasa ini boleh dicapai sekiranya pengguna menekan logo bahasa yang wujud pada halaman atas bagi ayat qurān.

Tambahan itu, laman sesawang ini menyediakan khidmat suara (audio) bagi ayat qurān yang ingin didengari pengguna. Laman sesawang ini memuatkan lebih dari sepuluh qarī termasyhur yang membolehkan pengguna mendengar suara mereka berdasarkan ayat yang mereka inginkan. Antara qarī yang masyhur yang membolehkan pengguna mendengarnya ialah Syeikh Mishary Rashid Alafasy, Syeikh Abdul Basit Abdul Somad, Syeikh as-Syuraim, dan lain-lain. Pengguna boleh memilih bilangan tertentu bagi ulangan suara (audio) ayat qurān dengan memilih pilihan ‘*memorization mode*’. Fungsi ini dapat membantu pengguna menghafaz dan membaca teks ayat qurān dengan betul dan tepat. Untuk khidmat suara (audio) ini, pengguna boleh menekan butang yang berlogo ‘audio’ atau ‘pembesar suara.’


Sekiranya pengguna menekan logo tetapan, pengguna boleh memilih variasi fon bagi teks Qurān yang diinginkan. Antara fon yang disediakan ialah Islamic Font, Medina Mushaf, Lateef, Uthmani dan lain-lain. Selain itu, pengguna juga boleh membaca teks-teks qurān persis cetakan mushāf sekiranya pengguna menekan tombol e-mushaf. Laman sesawang ini juga menyediakan fungsi untuk mengulang ayat-ayat suci qurān yang diberi nama ‘*Memorization Tracker*’ dan ‘*Revision Assistant*’, akan tetapi fungsi ini hanya boleh dicapai sekiranya pengguna mendaftar akaun pengguna pada laman sesawang tersebut.

Tombol Carian bagi Hadīth²⁶

Kedua, laman sesawang ini mempunyai fungsi tombol carian bagi teks hadīth. Hasil carian teks hadīth ini dipetik dari kitab-kitab hadīth yang utama seperti Sahīh al-Bukhārī, Sahīh Muslim, Sunan Abī Daūd, Jāmi' Tirmidzī, Sunan an-Nasā'i, Sunan Ibn Mājah, Muwatha' al-Imām Mālik, Riyadh as-Sālihīn, As-Syamāil lil Tirmidzī, Arbaū'n lin Nawawī, dan Arbaū'n Hadīth Qudsī. Kebanyakan sumber bagi carian hadīth ini bergantung kepada Pustaka Darussalam (*Darussalam Publication*). Pengguna boleh mendapatkan maklumat berkaitan dengan kitab hadīth tersebut di bahagian ini juga.

Bagi pengguna yang ingin mencari potongan ayat bagi sesuatu hadīth atau hendak mencari sesuatu hadīth, pengguna perlu memasukkan kalimah hadīth yang ingin dicari (dalam Bahasa Arab atau Bahasa Inggeris) ke dalam ruang carian hadīth yang berbentuk seperti kanta pembesar. Pastikan ayat atau kalimah hadīth yang hendak dicari itu tepat. Selepas pengguna memasukkan kalimah atau ayat ke dalam ruang carian hadīth, hadīth-hadīth yang berkaitan akan terpapar dan seterusnya pengguna perlulah mencari hadīth yang diinginkan.

Setelah mencari hadīth yang diinginkan, pengguna perlu menekan pada hadīth tersebut untuk mendapat maklumat hadīth tersebut dengan lebih terperinci. Setelah menekannya, ia akan memaparkan nama kitab bagi hadīth tersebut, nama bab dalam kitab hadīth tersebut, angka hadīth, teks hadīth dalam Bahasa Arab, terjemahan, status hadīth dan rujukan (takhrīj) bagi hadīth tersebut.



Rajah 3: Halaman bagi carian hadith.

Laman sesawang ini memudahkan pengguna untuk mencari status bagi sesebuah hadīth kerana ia memaparkan status bagi sesebuah hadīth sekiranya pengguna memasukkan entri atau kalimah hadīth ke tombol carian. Sekiranya sesebuah hadīth itu sahih atau hasan, laman sesawang ini akan menyatakan di ruangan bawah hadīth dengan ungkapan 'Sahih' atau 'Hasan' dengan berindikasi berwarna hijau. Namun, sekiranya sesebuah hadīth itu lemah, laman sesawang ini akan menyatakan dengan ungkapan 'Da'eef' dan berindikasi berwarna merah.

Perkhidmatan bagi bahagian hadīth ini, ia tidak begitu banyak fungsi berbanding dengan bahagian Qurān sebelum ini. Antara perkhidmatan dan kemudahan yang disediakan adalah ia dapat

²⁶ Rujuk di pautan ini: <https://amrayn.com/hadith>.


menambah sesuatu hadīth ke bahagian koleksi pengguna dan menandainya bagi pengguna yang mempunyai akaun sahaja. Selain itu, pengguna boleh berkongsi hadīth-hadīth ke media sosial seperti WhatsApp, Facebook, Twitter, Telegram, Viber, dan e-mel.

Tombol Carian bagi Artikel-Artikel yang Terpilih oleh ‘amrayn.com’²⁷

Ketiga, ‘amrayn.com’ juga telah memuatkan satu bahagian artikel pendek kepada pengguna untuk mereka menambah ilmu pengetahuan. Pembangun bagi laman sesawang ini telah membuat kajian terperinci terhadap sesuatu isu sebelum memuatkan artikel dalam laman sesawang mereka. Rujukan juga disertakan dalam setiap artikel bagi meyakinkan keabsahan sesuatu artikel.

Secara umumnya, terdapat 15 jenis kategori artikel yang disediakan dalam laman sesawang tersebut. Antara kategori artikel yang disediakan kepada pengguna ialah *Aqeedah, Basics, Biography, Death, Fiqh, Jihaad, Matters of Unseen, Patience, Quran, Repentance, Salaah, Sects, Tawheed, The Hereafter, Virtues*.

Selain itu, tombol carian juga disediakan seperti fungsi carian Qurān dan Hadīth sebelum ini. Pengguna juga boleh berkongsi bahan bacaan artikel tersebut ke laman sosial mereka seperti Facebook, Twitter, WhatsApp, Viber, Telegram dan juga e-mel.



Rajah 4: Halaman bagi ruangan artikel.

Kelebihan dan Kekurangan Laman Sesawang ‘amrayn.com’

Untuk bahagian ini, pengkaji akan membahagikan kepada dua subtajuk. Pertama, berkaitan dengan kelebihan laman sesawang amrayn.com dan seterusnya, berkaitan dengan kekurangannya.

Kelebihan Laman Sesawang ‘amrayn.com’

Pengkaji mendapati laman sesawang ini mempunyai banyak sudut kelebihannya. Berikut merupakan kelebihan laman sesawang ini:

²⁷ Rujuk di pautan ini: <https://amrayn.com/articles>.

Mudah Diakses

Laman sesawang ini dibangunkan secara percuma menerusi laman web internet. Pengguna tidak perlu memuat turun untuk menggunakan laman sesawang ini seperti aplikasi atau laman sesawang yang lain. Laman sesawang ‘amrayn.com’ ini ringkas, minimalis serta mudah bagi pengguna menggunakannya walaupun untuk pertama kali. Bagi pengguna yang kurang celik dalam bahagian teknologi, ia tidak menjadi masalah untuk mereka menggunakan laman sesawang ini. Hal ini kerana ciri-cirinya yang mudah dan mesra pengguna, tidak seperti aplikasi dan laman sesawang hadīth yang lain, pengguna perlu mengetahui pelbagai simbol dan istilah-istilah khas untuk menggunakan aplikasi atau laman sesawang dengan betul.

Laman sesawang ini juga sangat sesuai untuk pelajar atau penyelidik dalam bidang Qurān dan Hadīth terutamanya bagi mereka yang ingin memetik potongan ayat qurān atau hadīth dengan pantas. Laman sesawang ini juga sesuai untuk orang awam kerana bahasa perantaraan yang digunakan dalam laman sesawang ini Bahasa Inggeris.

Sumber yang Sah serta Autentik

Sumber yang sah serta autentik sangat dititikberatkan dalam sesuatu berita, kajian, penyelidikan serta tugas. Firman Allah Azzawajalla: “Wahai orang-orang yang beriman! Jika datang kepada kamu seorang fasik membawa sesuatu berita, maka selidikilah (untuk menentukan) kebenarannya, supaya kamu tidak menimpakan sesuatu kaum dengan perkara yang tidak diingini - dengan sebab kejahilan kamu (mengenainya) - sehingga menjadikan kamu menyesali apa yang kamu telah lakukan”. (Surah al-Hujurat 49: 6).

Dalam dunia akademik, sesuatu berita atau kajian tanpa rujukan yang absah tidak mempunyai nilainya. Hal ini juga terpakai ketika ingin menukikkan sesuatu sumber dari ayat qurān dan hadīth, yang mana kedua-dua sumber ini mestilah tepat dan absah. Dibimbangi bermudah-mudah dalam menukikkan sesuatu hadīth ini termasuk dalam sabdaan baginda nabi sallallāh a’laih wasallam: “Barangsiapa yang berdusta di atas namaku dengan sengaja maka siaplah tempatnya di dalam neraka”. [Riwayat al-Bukhārī (110)].

Rujukan yang absah serta autentik dalam laman sesawang ini memudahkan pengguna terutama pelajar ketika menyelesaikan tugas mereka. Untuk pelajar yang bukan bidang agama dan orang awam, agak sukar mereka ingin mengetahui sesuatu status hadīth itu dengan tepat dan pantas. Oleh itu, kewujudan laman sesawang ini membolehkan para pelajar bidang agama, dan penyelidik serta orang awam untuk mengetahui status sesebuah hadīth itu dengan tepat dan pantas.

Platform Terbaik Mempelajari Qurān

Tidak syak lagi, laman sesawang ini mempunyai kelebihan tersendiri dalam mempelajari ayat suci Quran. Fungsi seperti terjemahan dan tafsir dalam pelbagai bahasa memudahkan masyarakat dari seluruh pelusuk dunia untuk membaca, mempelajari serta mentadabbur ayat-ayat suci Qurān.

Platform Terbaik bagi Mempelajari Hadīth Nabi

‘Amrayn.com’ merupakan medan terbaik untuk mempelajari hadīth Nabi. Hal ini kerana laman sesawang ini dibangunkan dengan carian pantas terhadap hadīth-hadīth yang ingin dicari pengguna. Selain itu, laman sesawang ini menyediakan status hadīth ringkas bagi setiap hadīth yang terdapat dalam laman sesawang ini. Perkara ini merupakan usaha yang bagus dalam mendidik masyarakat supaya berhati-hati dalam menyandarkan sesuatu kepada baginda Nabi dan dapat mengekang penyebaran hadīth bertaraf *dhaī’f jiddan* (sangat lemah) ataupun *maudhu’* (palsu). Dalam laman

sesawang ini, terdapat 11 kitab hadith yang boleh dipelajari pengguna. Selain itu, teks hadith yang dipaparkan disertakan dengan terjemahan yang memudahkan pengguna mengambil faedah dari ucapan baginda Nabi. Laman sesawang ini juga menyatakan sanad bagi sesebuah hadith itu dengan lengkap. Hal ini akan memudahkan penyelidik untuk mengkaji sesebuah hadith itu dengan membandingkan dengan riwayat-riwayat yang lain.

Kekurangan Laman Sesawang ‘amrayn.com’

Menurut pemerhatian pengkaji, terdapat beberapa kekurangan terhadap laman sesawang ini. Berikut merupakan kekurangan-kekurangannya:

Memerlukan Akaun Pengguna bagi Mengakses Beberapa Fungsi

Pengkaji mendapati beberapa kekurangan yang terdapat dalam laman sesawang ini. Antaranya ialah laman sesawang ini memerlukan akaun pengguna khas untuk mengakses beberapa fungsi yang terdapat dalam laman ini.

Antaranya ialah fungsi *Quran Memorization*, *Bookmarks*, *Collection*, *Revision*, dan *Starred*. Sekiranya pengguna tidak mempunyai akaun, maka pengguna tidak boleh mengakses fungsi-fungsi tersebut.

Takhrīj yang Ringkas bagi Sesebuah Hadīth²⁸

Selain itu, laman sesawang ini hanya menyatakan sumber hadīth (*takhrīj*) dan statusnya secara ringkas sahaja. Contohnya hadīth mengenai doa berbuka puasa dalam Sunan Abi Daud, angka ke-2358. Laman sesawang ini hanya menyatakan status ini *dhaī’f* (lemah) tanpa menyatakan sebab-sebab kelemahan hadīth tersebut.

Bagi pengkaji dan penyelidik bidang hadīth, mereka tidak akan berpuas hati dengan penilaian sebegini kerana penilaian status bagi sesebuah hadīth memerlukan penjelasan yang terperinci. Tambahan pula, setiap status-status hadīth yang dinilai oleh para ulama' berbeza-beza keputusannya. Hal ini kerana para ulama' mempunyai perbezaan dalam menilai sesebuah hadīth sama ada mutasyaddidūn²⁹, mutawassitūn³⁰ ataupun mutasahhilūn³¹. Oleh itu, wajar pengkaji menyoal akan penilaian status hadīth yang ringkas seperti disediakan laman sesawang ini.

Kesimpulan

Laman sesawang ‘amrayn.com’ merupakan salah satu platform yang terbaik bagi mencari ayat-ayat Qurān dan teks-teks hadīth. Pengguna boleh mendapatkan sumber ayat-ayat qurān dan teks-teks hadīth dengan pantas melalui laman sesawang ini. Laman sesawang ini juga membolehkan pengguna mengetahui status sesuatu hadīth dengan cepat.

²⁸ Mengeluarkan sumber hadīth beserta memberitahu statusnya.

²⁹ Jama' Muzakkar Salim bagi 'Mutasyaddid'. Gelaran bagi Muhaddīth yang tegas dalam menilai sesuatu hadith.

³⁰ Jama' Muzakkar Salim bagi 'Mutawassit'. Gelaran bagi Muhaddīth yang tidak begitu tegas dan tidak pula begitu mengambil mudah dalam penilaian sesuatu hadith (pertengahan).

³¹ Jama' Muzakkar Salim bagi 'Mutasahhil'. Gelaran bagi Muhaddīth yang mengambil mudah dalam menghukum sesuatu hadīth.

Laman sesawang ini juga mudah diakses kepada pengguna kerana laman sesawang ini berkonsepkan minimalis dan mudah. Bahasa utama yang digunakan dalam laman sesawang ini ialah Bahasa Inggeris yang membolehkan setiap lapisan masyarakat dapat memanfaatkannya.

Pengkaji mendapati laman sesawang ini mempunyai banyak sisi kelebihan berbanding kekurangannya. Antaranya ialah laman sesawang ini mudah diakses, sumbernya yang sah dan autentik dan merupakan platform terbaik mempelajari qurān dan platform terbaik bagi mempelajari hadīth nabi. Manakala sisi kekurangannya ialah laman sesawang ini memerlukan akaun pengguna untuk mengakses beberapa fungsi yang wujud dalam laman sesawang tersebut dan takhrīj hadīth yang disediakan begitu ringkas bagi sesebuah hadīth.

Diharapkan laman sesawang amrayn.com ini dapat memudahkan para pelajar dalam menyempurnakan tugas mereka terutama subjek yang berkaitan dengan ilmu hadith dan dapat membantu para pengkaji dalam mengkaji sanad-sanad hadīth dengan lebih terperinci. Pengkaji mengharapkan bahawa laman sesawang ini dapat dihebahkan kepada orang awam kerana fungsinya yang dapat menyemak status hadīth dengan pantas mampu membendung penyebaran hadith bertaraf *dhaī'f jiddan* (sangat lemah) ataupun *maudhu'* (palsu) dalam masyarakat. Akhir kata, laman sesawang 'amrayn.com' merupakan platform terbaik bagi carian qurān dan hadith serta sesuai untuk setiap lapisan masyarakat.

Rujukan

Al-Quran al-Karim.

Al-Bukhārī, Muhammad bin Ismail. (1442H). *Sahīh al-Bukhārī*. Dar Tūq an-Najāh. Cetakan pertama.
Abu Daud, Sulaiman bin al-Ashats. *Sunan Abī Daūd*. (2009). Dar ar-Risalah al-Ilmiyyah. Cetakan pertama.

A. Irwan Santeri Doll Kawaid, S. N. (2018). Pengintegrasian Aplikasi ICT Berkaitan Hadis dalam Pengajaran dan Pembelajaran Kursus Berkaitan Hadis di Universiti Awam Malaysia. *Journal of Ma'alim al-Quran wa al-Sunnah*, 132-138. Dipetik dari <http://jmqs.usim.edu.my/index.php/jmqs/article/view/133>

Ahmad, K. (2019). Digitalisasi Hadith Di Malaysia Analisis Terhadap Keperluan Kriteria Pembangunan Website Dan Software Hadith. *International Conference on Islam in Malay World IX, Krabi, Thailand*, (pp. 331-352). Krabi, Thailand. Retrieved from https://fais.psu.ac.th/iconimad2019/proceedings/18_p331-352 DIGITALISASI HADITH DI MALAYSIA ANALISIS TERHADAP KEPERLUAN KRITERIA PEMBANGUNAN WEBSITE DAN SOFTWARE HADITH - Khadher Ahmad-MY-melayu - Copy.pdf

Amran Abdul Halim, A. S. (2020). PEMAHAMAN HADITH DALAM KALANGAN MASYARAKAT DI MALAYSIA: KAJIAN DALAM MEDIA SOSIAL DI MALAYSIA. *Proceedings of the 7th International Prophetic Conference (SWAN) 2020* (hlm. 358-368). Nilai: Universiti Sains Islam Malaysia.

Amran Abdul Halim, N. A. (2018). Popularity of Digital Hadith Application (Dha) in Malaysia. *International Journal of Civil Engineering and Technology (IJCIET)*, 9(10), 1382–1390. Didapatkan dari [https://oarep.usim.edu.my/jspui/bitstream/123456789/1509/1/Popularity of digital hadith application \(DHA\) in Malaysia.pdf](https://oarep.usim.edu.my/jspui/bitstream/123456789/1509/1/Popularity%20of%20digital%20hadith%20application%20(DHA)%20in%20Malaysia.pdf)

Amrayn.com. (4 12, 2022). *About*. Retrieved from amrayn.com: <https://amrayn.com/about>

Dr. Ir Irwan Santri. (2021). *Aqdu Al-Bahij Fi Mukhtasar Ilmi Takhrij*. Kajang: IMAN TIJARI ENTERPRISE.

Dr. Mohd Fauzi Mohd Amin. (2018). *Muharrar Fi U'lum Mustalah Al-Hadith*. Nilai: Dar as-Syakir.

Dr. Mohd Fauzi Mohd Amin dan Dr. Shumsudin Yabi. (2021). *Syaddu Ar-Rihal Ila Makrifat Ilm Ar-Rijal*. USIM: Penerbit USIM.

Firdaus Khairi Abdul Kadir, F. A. (2019). Hadith Palsu: Kajian Terhadap Faktor Penyebaran dan Kaedah Mengatasinya. *Proceedings of the International Conference on Islamic Civilization and Technology Management* (hlm. 507-516). UniSZA.

Jasmi, K. A. (2012). Metodologi Pengumpulan Data dalam Penyelidikan Kualitatif. *Kursus Penyelidikan Kualitatif Siri 1*, (hlm. 1-18). Dipetik dari https://www.researchgate.net/publication/293097563_Metodologi_Pengumpulan_Data_dalam_Penyelidikan_Kualitatif

Mohd Khairulnazrin Mohd Nasir, A. R. (2021, Disember 16). Trend kajian hadis berasaskan teknologi maklumat dan digital: suatu sorotan literatur. *Journal Hadis*, 11, 770-779. doi:<https://doi.org/10.53840/hadis.v11i22.168>

Omar, A. (1995). Sunnah sebagai Bayan kepada al-Quran. *Islamiyyat* 16, 3-18.

Shahril Nizam Zulkipli, M. F. (2011). Pembelajaran Capaian Teks Hadith Berautoriti di Internet: Kajian Terhadap Laman Sesawang Islamweb. *Seminar Antarabangsa Sunnah Nabawiah: Realiti dan Cabaran Semasa (MUSNAD)*, 233-251.

Ummah, S. S. (2019, September). Digitalisasi Hadis (Studi Hadis di Era Digital). (U. I. Kalijaga, Ed.) *Diroyah: Jurnal Ilmu Hadis* 4, 4(Vol 4, No 1 (2019)), 1-10. doi:<https://doi.org/10.15575/diroyah.v4i1.6010>